



KEMENTERIAN KERJA RAYA
MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

Untuk Siaran Segera

COVID-19 : TANGANI SEGERA ISU PENEMPATAN PEKERJA PEMBINAAN

Kuala Lumpur, 26 JANUARI 2021: Kementerian Kerja Raya telah mengarahkan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) untuk menangani segera isu penempatan pekerja tapak pembinaan, yang dikenal pasti sebagai antara punca utama penularan COVID-19.

Ini kerana KKR memandang serius dapatan Kementerian Kesihatan bahawa kebanyakan penularan jangkitan COVID-19 berlaku di dalam penempatan pekerja yang sesak, kotor dan tidak sempurna, terutama di Kuala Lumpur dan Selangor, serta ketidakpatuhan kepada Prosedur Operasi Standard (SOP).

Dalam sesi libat urus bersama 30 pemimpin dan wakil persatuan industri pembinaan secara atas talian, Kementerian telah menegaskan bahawa tak kira dimana pun penempatan pekerja sama ada di dalam atau di luar kawasan tapak pembinaan, adalah diwajibkan mematuhi sepenuhnya SOP Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan menepati Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja 1990 (Akta 446).

Antara yang boleh dipertimbangkan juga adalah mewujudkan penempatan pekerja secara berpusat yang dilihat sebagai satu langkah penyelesaian berikutan kekangan yang dihadapi kontraktor dalam menyediakan penempatan pekerja yang memenuhi Akta 446. Kekangan yang dihadapi adalah kawasan yang terhad di dalam tapak bina, kos pembinaan penempatan pekerja yang tinggi serta tempoh masa yang lama untuk mendapat kelulusan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

CIDB bersama agensi berkaitan seperti Jabatan Tenaga Kerja (JTK) serta penggiat industri diminta mengkaji dan mencadangkan lokasi yang sesuai untuk pembinaan penempatan ini yang boleh disewakan kepada para kontraktor bagi menempatkan pekerja-pekerja mereka. Selain penempatan, khidmat kenderaan pengangkutan pekerja untuk menghantar mereka pergi dan balik dari tapak pembinaan juga perlu disediakan.

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

☎ : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : www.kkr.gov.my |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  Pro@kkr.gov.my

Selain isu penempatan pekerja, Sesi Libat Urus tersebut juga membuat beberapa resolusi penting seperti berikut:

1. Kerja-kerja pembinaan wajar diteruskan dengan pematuhan SOP yang ketat. Ini kerana penutupan kerja-kerja pembinaan sepenuhnya akan memberi kesan kepada ekonomi negara. Pemberhentian kerja dalam sektor pembinaan akan menyebabkan pendapatan majoriti pekerja binaan yang lazimnya menerima gaji harian akan terjejas. Pengalaman semasa PKP 2020 mendapati ramai pekerja binaan yang tidak mampu untuk membeli makanan dan bergantung kepada bantuan NGO.
2. Penutupan operasi tapak pembinaan akan dilakukan secara bersasar kepada tapak pembinaan yang tidak mematuhi SOP dan terdapat kes positif COVID-19.
3. Perlaksanaan ujian RTK Antigen COVID-19 kepada pekerja binaan setiap dua minggu dengan pembiayaan sepenuhnya atau subsidi oleh kerajaan, akan dikaji dan dipertimbangkan.
4. Mewajibkan penggunaan pengangkutan persendirian pekerja ke tapak bina bagi mengelakkan percampuran pekerja binaan dengan komuniti di dalam pengangkutan awam. Bagi memenuhi keperluan pengangkutan pekerja, penggiat industri mencadangkan penggunaan Bas Sekolah untuk mengangkut pekerja. Secara tak langsung, langkah ini berupaya membantu pengusaha bas sekolah yang kini tiada pendapatan.
5. Para kontraktor dikehendaki menyediakan fasiliti pengasingan pekerja Positif COVID-19, pekerja bergejala, Pesakit Dalam Pemantauan (PUS) dan Kes Yang Disyaki (PUI) di lokasi lain bagi menghalang jangkitan kepada pekerja lain di tapak pembinaan.
6. Lanjutan tarikh kuatkuasa Akta Langkah-Langkah Sementara bagi Mengurangkan Kesan dari Penyakit Koronavirus 2019 2020 (Akta 829) yang telah tamat pada Disember 2020 akan dikaji.

Bagi memastikan pematuhan, Kementerian juga mengarahkan CIDB untuk mempergiatkan lagi pemantauan tapak pembinaan dan mengambil tindakan lebih tegas ke atas semua kontraktor yang tidak mematuhi SOP yang ditetapkan. Selain arahan tutup tapak, CIDB digesa mengambil tindakan tatatertib yang membolehkan

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

☎ : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : www.kkr.gov.my |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  Pro@kk.gov.my

kontraktor tersebut dikenakan penalti dan pendaftaran kontraktor terbabit digantung atau dibatalkan.

Sejak permulaan PKP iaitu 13 Januari sehingga 24 Januari, CIDB telah memeriksa sebanyak 320 tapak pembinaan di seluruh negara. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 286 tapak pembinaan didapati mematuhi SOP, manakala 5 tapak pembinaan tidak mematuhi SOP dan telah diarahkan tutup. Tapak pembinaan berkenaan menerima notis berhenti kerja atas sebab tidak mematuhi beberapa SOP yang ditetapkan seperti gagal menyediakan tempat tinggal yang bersesuaian, tiada penjarakan fizikal dan pekerja tidak memakai pelitup muka.

Pematuhan SOP bukan sahaja penting untuk mencegah penularan wabak Covid-19, malah turut dapat mengelakkan kerugian kepada kontraktor dan juga pihak-pihak yang terlibat untuk jangka masa panjang. Ianya penting untuk semua pihak melaksanakan peranan masing-masing bagi mengawal penularan wabak ini bagi menjamin kelangsungan ekonomi dan juga kesejahteraan segenap lapisan masyarakat.

Adalah menjadi komitmen dan tanggungjawab semua yang terlibat untuk memastikan pematuhan sepenuhnya SOP pembinaan, baik di pejabat, di tapak bina, tempat penginapan pekerja dan juga di dalam perjalanan ke tempat kerja.

SOP terkini boleh dirujuk di laman web CIDB Malaysia www.cidb.gov.my/ms/pkp-kebenaran-beroperasi. Maklumat lanjut berkenaan SOP dan Garis Panduan Industri Pembinaan boleh didapati menerusi Telegram rasmi CIDB Malaysia <https://t.me/cidbmy> atau hubungi Hotline CIDB **03-55673300** (Waktu Operasi dari Isnin hingga Jumaat jam 8.00 pagi hingga 5.30 petang).

DATO' SRI HAJI FADILLAH HAJI YUSOF
MENTERI KANAN INFRASTRUKTUR – MENTERI KERJA RAYA MALAYSIA
(26 JANUARI 2021)

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

☎ : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : www.kkr.gov.my |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  Pro@kkr.gov.my